



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT

Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2
Tarikh : 26 Januari 2021

PEKELILING CRIM BIL. 2/2021

DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)
BAHARU DAN BORANG PERMOHONAN / PELANJUTAN PEMBANTU PENYELIDIK
(RA) BAHARU**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 8/2020 pada 18 November 2020 telah bersetuju membuat perubahan dan penambahbaikan seperti berikut:

- i) Perubahan terhadap Garis Panduan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dengan **membenarkan pelantikan GRA dibuat daripada kalangan pelajar yang mempunyai tajaan/biasiswa**. Pelajar dalam kategori ini boleh dilantik dengan syarat gabungan elaun tajaan dan elaun GRA tidak melebihi kadar maksimum elaun GRA. Pelantikan ini hanya dibenarkan untuk lantikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan dan Dana Luar sahaja.
- ii) Penambahan **Borang Deklarasi Pertalian Kekeluargaan/Hubungan Persaudaraan** dalam Borang Permohonan / Pelanjutan Pembantu Penyelidik (RA) bersesuaian dengan saranan daripada Unit Integriti UKM.

3. Bersama-sama ini disampaikan Garis Panduan GRA dan Borang Permohonan / Pelanjutan RA yang baharu untuk makluman dan kegunaan/rujukan pihak PTJ. Dokumen garis panduan baharu ini juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang CRIM, **<http://research.ukm.my/muat-turun/>**. Garis panduan baharu ini beserta Borang Permohonan / Pelanjutan RA ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2021**.

4. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai kami, Encik Mohd Asraf Bin Mohd Farid di talian 03-89214455.

Sekian, terima kasih.



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

Yang benar,

PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Berlampir

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Bendahari
Jabatan Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Ketua
Unit Integriti
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Ketua
Unit Kewangan Penyelidikan CRIM
Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my